

Tembaga Porfiri di Pelepah Kanan, Kota Tinggi, Johor

WAN FUAD WAN HASSAN, HERU SIGIT PURWANTO & ADONG LAMING

Program Geologi, Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor

Permineralan besi skarn dan timah di Pelepah Kanan, Johor cukup terkenal dan mendapat perhatian banyak pengkaji. Litologi kawasan tersebut terdiri daripada batuan metasedimen (hornfels kalka-silikat) berusia Perm Akhir yang direjahi granit serta mikrogranit berusia Trias Akhir. Struktur utama di kawasan ini ialah sistem sesar mengarah N140°E/80° dan N300°E/80°, yang mengawal rejahan igneus dan telerang kuarza. Daripada kajian ini,

Warta Geologi, Vol. 26, No. 5, Sept–Oct 2000

selain daripada mineral-mineral besi-skarn dan timah, terdapat juga mineral-mineral tembaga primer dan sekunder yang terbentuk selepas permineralan besi-timah, yang dikaitkan dengan rejahan mikrogranit. Perubahan batuan dinding iaitu pensilisifikasian, penargilitan dan pempropilitan juga dikenalpasti berkaitan dengan permineralan tembaga ini. Kajian geokimia dan unsur surih menunjukkan batuan igneus kawasan kajian berkaitan dengan subduksi. Berdasarkan maklumat-maklumat tersebut, maka dibuat kesimpulan bahawa selain daripada mengandungi besi dan timah, Pelepah Kanan juga adalah kawasan permineralan tembaga porfiri.
